

Transformasi Pembukuan Al-Quran: Dari Tradisi Lisan ke Inovasi Digital

[The Transformation of Qur'anic Compilation: From Oral Tradition to Digital Innovation]

Aisyah Abdul Wahab (*Corresponding author*)

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia, 02311041022@student.kuips.edu.my

Dhiyaul Hafidh Fatah Yasin

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ),
02600 Perlis, Malaysia, dhiya@unisraj.edu.my

Article
Progress:

Submission date:
14-05-2025
Accepted date:
20-06-2025

ABSTRACT

The Qur'an, as the supreme source of Islamic guidance, has experienced a dynamic evolution in its methods of compilation, transitioning from oral traditions during the Prophet Muhammad's (PBUH) era to contemporary digital innovations. This study was conducted to address the growing need to understand how the Qur'an has been preserved across different historical phases without compromising its authenticity. The primary objective of this research is to examine the transformation of Qur'anic compilation from memorization and manual inscription to script standardization, early printing, and modern digitization while highlighting its continued relevance and accessibility in the digital age. This qualitative study employed document analysis through library research, utilizing classical and contemporary sources, scholarly journals, and digital archives. The findings reveal that although the medium has evolved, the integrity and content of the Qur'an remain unchanged. Furthermore, the development of mobile applications, online platforms, and special accessibility tools such as Braille Qur'an and sign language have significantly enhanced inclusive access to the scripture. In conclusion, this transformation illustrates the harmonious balance between tradition and technology in ensuring the preservation and dissemination of the Qur'an for future generations. This research also recommends future researchers to explore new innovations that help the Quran to be more accessible while preserving its authenticity such as human chip implant, change of font, etc.

Keywords: Qur'an, Compilation, Digitalization, Inclusive Access, Accessibility

PENDAHULUAN

Islam ialah satu cara hidup yang menyeluruh, mencakupi setiap aspek kehidupan manusia termasuk hal ehwal rohani, sosial dan teknologi (Solehah et al., 2023). Sebagai panduan utama umat Islam, Allah SWT telah menurunkan al-Quran dan mengutus Nabi Muhammad SAW sebagai contoh teladan yang perlu diikuti, sebagaimana firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِيهِمْ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ

Terjemahan:

“Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada bawaan Nabi Ibrahim dan pengikut-pengikutnya itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dan (balasan baik) hari akhirat”. (Surah al-Mumtahanah: 6).

Allah SWT juga menegaskan kedudukan al-Quran sebagai petunjuk utama buat umat manusia dalam firman-Nya:

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنْزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ

Terjemahan:

“Bulan Ramadan, bulan yang dalamnya diturunkan al-Quran sebagai petunjuk bagi umat manusia, yang mengandungi bukti-bukti yang jelas serta pembeza antara yang benar dan yang batil.” (Surah al-Baqarah: 185)

Sejarah telah membuktikan bahawa tiada sesiapa pun yang mampu mengubah kandungan al-Quran, meskipun masyarakat arab ketika itu berada di kemuncak kegemilangan penguasaan bahasa mereka (Solehah et al., 2023). Hal ini ditegaskan dalam firman Allah SWT:

وَمَثَلُ كَلِمَتٍ رَّبِّكَ صِدْقًا وَعَدْلًا لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Terjemahan:

“Dan telah sempurnalah kalimah-kalimah Tuhanmu dengan benar dan adil. Tidak ada sesiapa yang boleh mengubah apa-apa pun daripada kalimah-kalimah-Nya, dan Dialah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” (Surah Al-An’am, 115)

Seiring perkembangan zaman, pelbagai inovasi teknologi telah diperkenalkan untuk memudahkan akses umat Islam kepada al-Quran. Aplikasi mudah alih, perisian digital, audio dan video bacaan, serta naskhah al-Quran dalam bentuk Braille dan bahasa isyarat telah memberi ruang yang luas untuk penghayatan al-Quran secara lebih inklusif. Transformasi ini tidak mengubah kandungan atau cara pembacaan al-Quran, sebaliknya merupakan alat bantuan baharu yang memudahkan umat Islam mendekati wahyu Ilahi. Maka, ia tidak termasuk dalam perkara bidaah yang tercela, sebagaimana dijelaskan dalam hadis:

مَنْ أَحَدَثَ فِي أَمْرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Terjemahan:

“Sesiapa yang melakukan perkara baharu dalam urusan agama kami, maka ia tertolak” (al-Bukhari, 1993, no. 2550)

Sebaliknya, usaha ini boleh dianggap sebagai satu bentuk sunnah hasanah, iaitu amalan baik yang membuka jalan ke arah kebaikan:

مَنْ سَنَّ فِي الْإِسْلَامِ سُنَّةً حَسَنَةً فَعَمِلَ بِهَا بَعْدَهُ كُتِبَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ مَنْ عَمِلَ بِهَا وَلَا يَنْقُصُ مِنْ أَجُورِهِمْ شَيْءٌ

Terejmahan:

“Sesiapa yang memulakan sebuah sunnah/langkah yang baik dalam Islam, lalu ia diamalkan setelah itu, ditulis baginya pahala seumpama pahala orang yang mengerjakannya tanpa berkurang sedikit pun” (Muslim, 1995, no. 1017)

Dalam artikel ini, pengkaji akan menghuraikan secara menyeluruh evolusi pembukuan al-Quran bermula daripada tradisi lisan pada zaman Rasulullah SAW sehinggalah kepada penggunaan teknologi digital pada masa kini. Turut dibincangkan ialah pelbagai bentuk transformasi moden seperti aplikasi al-Quran, pembelajaran dalam talian, terjemahan interaktif, serta kaedah akses khas bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU), sebagai bukti kesungguhan umat Islam dalam memelihara dan menyebarkan kitab suci ini sepanjang zaman.

Kajian ini dijalankan bagi menangani keperluan memahami bagaimana al-Quran telah dipelihara merentasi pelbagai fasa sejarah tanpa menjejaskan keasliannya, sekali gus menegaskan kepentingan untuk menelusuri proses pemeliharaan tersebut secara menyeluruh. Berdasarkan kepentingan itu, objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti transformasi pengumpulan al-Quran, bermula daripada tradisi hafalan dan penulisan manual, kepada usaha penyeragaman tulisan, pencetakan awal, pendigitalan moden, dan seterusnya, dengan tujuan menonjolkan relevansi serta kebolehcapaiannya yang berterusan dalam era kontemporari.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif utama kajian ini, pendekatan kualitatif digunakan dengan kaedah analisis dokumen. Sumber utama kajian diperoleh melalui kajian perpustakaan yang melibatkan bahan-bahan klasik dan kontemporari seperti kitab turath, jurnal akademik, artikel ilmiah, serta arkib digital dan laman sesawang berkaitan sejarah dan perkembangan pembukuan al-Quran.

Pengkaji menganalisis transformasi pembukuan al-Quran dari zaman Rasulullah SAW sehingga ke era digital dengan meneliti aspek-aspek seperti hafalan lisan, penulisan awal, penyeragaman mushaf, percetakan, serta inovasi moden seperti aplikasi digital dan akses inklusif seperti Braille dan bahasa isyarat. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memahami kesinambungan dan ketulenan al-Quran yang terpelihara merentasi zaman dan teknologi.

PENGUMPULAN AL-QURAN PADA ZAMAN RASULULLAH SAW: TRADISI LISAN DAN HAFALAN

Pada zaman Rasulullah SAW, al-Quran dikumpulkan melalui dua kaedah utama, iaitu hafalan dan penulisan. Namun, kaedah yang lebih utama pada waktu itu adalah hafalan, di mana para sahabat menyimpan ayat-ayat al-Quran dalam ingatan mereka dengan penuh ketelitian dan pengulangan yang konsisten (Ali, 2010). Keadaan ini berkaitan dengan hakikat bahawa Rasulullah SAW sendiri tidak tahu membaca dan menulis (Jasmi & Selamat, 2013), selain daripada kebanyakan masyarakat Arab ketika itu yang turut buta huruf (al-Zuhayli, 1991). Situasi masyarakat yang buta huruf ini dinyatakan dalam firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

Terjemahan:

“Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang ummiyyīn, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktikad yang sesat), serta mengajarkan mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata”. (Surah al-Jumu’ah: 2)

Memandangkan tradisi lisan sangat dominan dalam kalangan masyarakat Arab ketika itu, penghafalan menjadi kaedah utama dalam pemeliharaan al-Quran. Bagi memastikan wahyu dipelihara dengan sempurna, Rasulullah SAW menghafalnya dengan penuh teliti dan membacanya secara tartil, iaitu bacaan yang jelas, perlahan dan tersusun. Kaedah hafalan dan bacaan baginda diajar sendiri oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam surah al-Qiyamah ayat 16-19 dan surah al-Muzzamil ayat 4.

Baginda juga menyampaikan ayat-ayat yang diterima kepada para sahabat, tidak hanya dengan membacakannya tetapi juga dengan memberikan penerangan dan tafsirannya supaya lebih mudah difahami (Ali, 2010). Proses ini memastikan bahawa para sahabat bukan sahaja menghafal al-Quran tetapi juga memahami makna dan maksudnya secara menyeluruh. Hafalan ini diamalkan secara berulang-ulang dalam pelbagai majlis ilmu, ketika solat berjemaah, serta dalam majlis bacaan al-Quran bersama Rasulullah SAW sendiri. Ada juga yang menjadi wirid mingguan, harian, atau pagi dan petang. Ia bukan sahaja menjadi kaedah pemeliharaan wahyu yang sangat berkesan, tetapi juga menjadi tradisi dalam kehidupan masyarakat Islam pada waktu itu.

PERINGKAT AWAL PENULISAN AYAT AL-QURAN

Selain menghafal, Rasulullah SAW juga mengarahkan beberapa sahabat tertentu untuk mencatat ayat-ayat al-Quran yang diturunkan. Mereka menggunakan bahan yang tersedia ketika itu, seperti pelepah kurma, batu, kulit binatang, dan kain perca sebagai medium penulisan. Penulisan ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan dan ketepatan wahyu dalam bentuk bertulis, selain berfungsi sebagai rujukan bagi mereka yang ingin menghafal. Para sahabat yang terkenal sebagai penulis wahyu termasuk Khulafa ar-Rasyidin, Muawiyah bin Abi Sufyan, Abban bin Said, Khalid bin al-Walid, Ubayy bin Kaab, Zaid bin Thabit, dan Thabit bin Qays. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab mencatat wahyu, malah memastikan susunan ayat-ayat di dalam surah mengikut ketetapan Rasulullah SAW (Al-Qattan, 2015).

Sepanjang bulan Ramadan, Rasulullah SAW akan bertadarus bersama Malaikat Jibril AS. Bagi memastikan ketepatan hafalan dan susunan ayat, tadarus ini menjadi amalan tahunan baginda (Al-Bukhari, 1993, no. 3426). Pada Ramadan terakhir sebelum kewafatan Rasulullah SAW, proses ini dilakukan sebanyak dua kali. Semakan terakhir ini dikenali sebagai *al-Ardah al-Akhirah* (Pebentangan terakhir), di mana salah seorang sahabat yang menyaksikan peristiwa ini ialah Zaid bin Thabit (Abdul Hadi et al., 2015). Oleh kerana Zaid bin Thabit menyaksikan proses ini secara langsung, beliau dianggap sebagai salah seorang sahabat yang paling dipercayai dalam pemeliharaan dan pengumpulan al-Quran selepas kewafatan Rasulullah SAW (Nasruddin, 2015).

Menurut Mohamad et al. (2019), walaupun keseluruhan ayat al-Quran telah dicatat sebelum kewafatan Rasulullah SAW, ia masih belum dikumpulkan dalam satu mushaf lengkap. Hal ini kerana Rasulullah SAW tidak mengeluarkan arahan khusus untuk menyusunnya dalam satu naskhah atas beberapa sebab utama:

1. Pada masa itu, hafalan dan bacaan lisan lebih diutamakan dalam kalangan para sahabat berbanding penulisan, kerana bahan tulis seperti kertas masih terhad.
2. Rasulullah SAW menjangkakan kemungkinan turunnya wahyu tambahan yang boleh membawa kepada nasakh hukum atau perubahan dalam bacaan ayat tertentu.

Hanya selepas kewafatan baginda, barulah keperluan untuk menghimpunkan al-Quran dalam satu mushaf menjadi semakin mendesak bagi memastikan kelestarian wahyu yang telah diturunkan (Mohamad et al., 2019). Pengumpulan ini dilakukan secara berhati-hati dengan memastikan setiap ayat yang ditulis disahkan oleh lebih daripada dua orang sahabat yang menghafalnya secara langsung daripada Rasulullah SAW.

PENGUMPULAN AL-QURAN DALAM SEBUAH NASKHAH

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, keperluan untuk menghimpunkan al-Quran dalam satu naskhah semakin dirasai, terutama selepas berlakunya Perang al-Yamamah yang mengorbankan ramai penghafal al-Quran. Umar bin al-Khattab mencadangkan kepada Khalifah Abu Bakar al-Siddiq agar al-Quran dikumpulkan secara rasmi bagi mengelakkan kehilangannya akibat kematian para huffaz (Bakri Syeikh Amin, 1979).

Pada mulanya, Khalifah Abu Bakar al-Siddiq ragu-ragu kerana perkara ini tidak pernah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW. Namun, selepas meneliti kepentingan dan keperluan jangka panjangnya, beliau akhirnya bersetuju dan melantik Zaid bin Thabit untuk melaksanakan tugas ini. Zaid mengumpulkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan hafalan para sahabat serta catatan yang telah dibuat sebelumnya. Beliau mengkaji dengan teliti setiap ayat yang ditulis, memastikan kesesuaiannya dengan hafalan ramai sahabat sebelum memasukkannya dalam mushaf rasmi. Hasilnya, satu mushaf lengkap berjaya disusun dan disimpan oleh Khalifah Abu Bakar al-Siddiq, sebelum akhirnya diserahkan kepada Umar bin al-Khattab dan seterusnya kepada Hafsa binti Umar (Bakri Syeikh Amin, 1979). Ini menjadi asas kepada pengumpulan al-Quran secara sistematik yang diteruskan pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan. Dengan adanya mushaf ini, keaslian al-Quran dapat dipelihara dan diwarisi dari satu generasi ke generasi berikutnya tanpa perubahan.

PENYERAGAMAN TULISAN AL-QURAN MENGIKUT RASM UTHMANI

Pada zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan, Islam berkembang ke pelbagai wilayah, menyebabkan perbezaan dalam bacaan al-Quran semakin ketara. Melihat keadaan ini, beliau menubuhkan sebuah jawatankuasa khas diketuai oleh Zaid bin Thabit untuk menyalin al-Quran

dalam satu naskhah rasmi. Mushaf yang disusun ini dikenali sebagai Mushaf Uthmani, dan salinan dihantar ke pusat-pusat utama dunia Islam seperti Mekah, Syam, Kufah, dan Basrah. Semua naskhah lain yang berbeza daripada versi ini diperintahkan untuk dimusnahkan bagi mengelakkan perselisihan bacaan (Mohamad et al., 2019). Dengan langkah ini, umat Islam di seluruh dunia memiliki teks al-Quran yang seragam, memastikan keutuhan dan kesatuan dalam bacaan. Penyeragaman ini membantu mengekalkan kesatuan umat Islam serta memastikan bacaan al-Quran yang sahih diperturunkan kepada generasi seterusnya tanpa perubahan atau kekeliruan.

Kesemua inovasi ini bertujuan untuk memastikan al-Quran kekal terpelihara dan dapat dibaca dengan mudah oleh generasi akan datang, tanpa mengubah keasliannya sebagai wahyu Allah SWT.

PENAMBAHAN TANDA BARIS DAN TITIK HURUF

Seiring dengan penyebaran Islam ke wilayah yang lebih luas, semakin ramai orang bukan Arab yang memeluk agama Islam. Walaupun mereka memiliki semangat yang tinggi untuk mempelajari al-Quran, kesulitan dalam membaca dan memahami teks suci ini semakin dirasakan kerana mushaf yang digunakan pada ketika itu tidak mempunyai tanda bacaan atau titik huruf. Ini menyebabkan timbulnya banyak kesalahan bacaan, terutama dalam kalangan mereka yang tidak fasih berbahasa Arab. Oleh itu, ulama Islam berusaha mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah ini dan memastikan bacaan al-Quran tetap terjaga dengan betul.

Pada zaman pemerintahan Khalifah Muawiyah bin Abi Sufyan, usaha ke arah memperkenalkan sistem tanda bacaan al-Quran mula dilakukan. Seorang sarjana terkenal dalam bidang bahasa Arab, iaitu Abū al-Aswad al-Duali, telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan satu sistem tanda yang dikenali sebagai *Nuqt al-ʿIrab* (tanda baris). Sistem ini menggunakan titik berwarna merah yang diletakkan di atas, bawah, atau hadapan huruf bagi menunjukkan baris bacaan yang betul. Dengan adanya tanda ini, kesalahan dalam pengucapan dan pemahaman ayat al-Quran dapat dikurangkan secara signifikan (Muhaysin, 2002).

Namun, sistem titik ini masih mengalami beberapa kekurangan, terutama dalam membezakan huruf-huruf yang hampir serupa bentuknya seperti ب (ba), ت (ta), dan ث (tha). Oleh itu, pada era pemerintahan Khalifah Abd al-Malik bin Marwan, dua orang pakar bahasa iaitu Nasr bin Asim dan Yahya bin Ya'mar telah memperkenalkan satu sistem tanda tambahan yang dikenali sebagai *Nuqt al-I'jam* (titik huruf). Sistem ini berfungsi untuk membezakan huruf-huruf

yang seakan serupa dengan meletakkan titik hitam di atas atau di bawah huruf-huruf tertentu. Melalui inovasi ini, bacaan al-Quran menjadi lebih jelas dan mudah difahami oleh masyarakat Islam yang bukan berbangsa Arab (Abd Ghani & Abdullah, 2002).

Penggunaan tanda bacaan dan titik huruf ini memberikan impak yang besar dalam dunia Islam. Ia bukan sahaja membantu generasi awal Islam membaca al-Quran dengan lebih tepat, tetapi juga menjadi asas kepada sistem penulisan al-Quran moden. Sehingga hari ini, mushaf yang digunakan oleh umat Islam di seluruh dunia masih mengekalkan sistem *Nuqt al-ʿArab* dan *Nuqt al-ʿJam* sebagai panduan bacaan yang sah.

PEMBAHAGIAN MUSHAF KEPADA JUZUK DAN HIZB

Sejak zaman Nabi Muhammad SAW, kandungan al-Quran telah melalui beberapa bentuk pembahagian bagi memudahkan bacaan dan hafazan. Pada peringkat awal, pembahagian ini lebih tertumpu kepada kategori *al-Sabʿu al-Tiwal*, *al-Miʿin*, *al-Mathani*, dan *al-Mufassal*, yang digunakan oleh para sahabat sebagai panduan dalam menentukan kadar bacaan harian mereka (al-Biqāʾi, TT).

Kaedah pembahagian lain yang turut digunakkan ialah pembahagian al-Quran dibahagi 6 bahagian, iaitu 3 surah (al-Fatihah dan 3 surah selepasnya iaitu al-Baqarah, Ali Imran dan al-Nisaʾ), 5 surah (al-Maʿidah, al-Anʿam, al-Aʿraf, al-Anfal dan al-Taubah), 7 surah (Yunus, Hud, Yusuf, al-Raʿd, Ibrahim, al-Hijr dan al-Nahl), 9 surah (al-Israk, al-Kahfi, Maryam, Taha, al-Anbiyaʾ, al-Hajj, al-Muʾminun, al-Nur, dan al-Furqan), 11 surah (al-Syuʿaraʾ, al-Naml, al-Qasas, al-Ankabut, al-Rum, Luqman, al-Sajdah, al-Ahzab, Sabaʾ, Fatir dan Yasin), 13 surah (al-Saffat, Sad, al-Zumar, Ghafir, Fussilat, al-Syura, al-Zukhruf, al-Dukhan, al-Jathiyah, al-Ahqaf, Muhammad, al-Fath dan al-Hujurat) dan yang terakhir al-Mufassal (Qaf sehingga al-Nas) (Islam Suʾal wa Jawab, 2008). Pembahagian ini berdasarkan kata-kata Aus bin Huzaifah dalam Sunan Abi Dawud (Abu Dawud, 2009, hadis no. 1393).

Walau bagaimanapun, sistem pembahagian al-Quran kepada 30 juzuk dan 60 hizb yang digunakan pada hari ini tidak berasal daripada zaman Rasulullah SAW. Sebaliknya, pembahagian ini diperkenalkan secara beransur-ansur selepas kewafatan baginda bagi mempermudah pembacaan dan hafalan al-Quran.

Menurut al-Zurqani (1948), mushaf yang disusun pada zaman Khalifah Uthman bin Affan tidak mempunyai pembahagian kepada 30 juzuk dan 60 hizb seperti yang terdapat dalam

mushaf moden. Pembahagian ini diperkenalkan kemudian dengan tujuan membantu umat Islam menyusun bacaan mereka dengan lebih sistematik. Dalam sistem ini, setiap juzuk dibahagikan kepada dua hizb, dan setiap hizb pula dibahagikan kepada empat rubu', menjadikan keseluruhan al-Quran mengandungi 240 rubu'. Kaedah ini memberi kemudahan kepada umat Islam untuk mengatur bacaan harian mereka, terutama dalam bulan Ramadan, di mana mereka berusaha mengkhataamkan al-Quran dalam tempoh sebulan dengan membaca satu juzuk setiap hari (al-Zurqani, 1948).

Selain memudahkan bacaan, sistem pembahagian ini juga bertujuan untuk memperkemaskan hafazan al-Quran, khususnya bagi masyarakat bukan Arab yang baru mempelajari al-Quran. Pada zaman awal Islam, umat Islam menghafaz al-Quran secara lisan, bergantung kepada kemampuan individu masing-masing. Namun, dengan adanya pembahagian kepada juzuk dan hizb, proses hafazan menjadi lebih teratur, membolehkan para penghafaz menetapkan sasaran hafazan yang lebih jelas dan memastikan murajaah dilakukan dengan konsisten. Dari segi struktur pembahagian, setiap juzuk terbahagi kepada dua hizb, dan setiap hizb pula mengandungi empat maqra' atau ain, menjadikan satu maqra' bersamaan dengan $\frac{1}{4}$ hizb (al-Mukhallalati, n.d.). Kaedah ini banyak digunakan dalam institusi tahfiz sebagai panduan hafazan. Contohnya, bagi mereka yang ingin menghafaz al-Quran dalam tempoh satu tahun, disarankan untuk menghafaz satu hizb setiap enam hari, manakala bagi tempoh dua tahun, hafazan dilakukan pada kadar satu hizb dalam 12 hari (Abd Samad et al., 2021). Dengan sistem ini, pelajar dapat mengatur hafazan mereka dengan lebih sistematik dan mengurangkan tekanan dalam proses menghafal.

Masa kini, sistem pembahagian ini bukan sahaja digunakan dalam hafazan tetapi juga diaplikasikan dalam mushaf cetakan moden, di mana susunan halaman telah diseragamkan. Contohnya, mushaf cetakan Muja'mma' Malik Fahd di Arab Saudi telah menyesuaikan permulaan dan pengakhiran hizb, memastikan agar setiap bahagian tidak terputus secara mendadak bagi memudahkan pemahaman bacaan (Abd Samad et al., 2021). Mushaf moden juga dilengkapi dengan penanda bagi permulaan hizb, maqra', dan suku hizb, menjadikannya lebih mudah dikenali oleh penghafaz dan memudahkan pembelajaran al-Quran di peringkat individu dan institusi.

Selain membantu hafalan, sistem ini juga diterapkan dalam pengajian berkumpulan, seperti tadarus Ramadan, di mana bacaan al-Quran dibahagikan mengikut hizb atau juzuk bagi

memastikan khatam dalam tempoh sebulan. Malah, pembahagian ini turut digunakan dalam kajian akademik dan penyelidikan, terutama dalam analisis struktur tematik al-Quran.

Sistem pembahagian ini bukan sahaja memberi manfaat dalam aspek hafazan tetapi juga meningkatkan motivasi dan pengurusan masa bagi penghafaz al-Quran. Dengan adanya pembahagian yang jelas, pelajar tahfiz dapat mengukur perkembangan hafazan mereka, merancang pengulangan bacaan secara berkala, serta menetapkan sasaran jangka pendek dan jangka panjang dengan lebih tersusun.

Secara keseluruhannya, pembahagian mushaf kepada juzuk dan hizb telah menjadi satu elemen penting dalam hafazan dan pembelajaran al-Quran di seluruh dunia. Ia bukan sahaja membantu dalam menyusun bacaan harian dan hafazan, tetapi juga memastikan kesinambungan sistem hafazan dari generasi ke generasi, menjadikan al-Quran lebih mudah dipelajari, difahami, dan dihayati oleh umat Islam di seluruh dunia.

PEMBAHARUAN TANDA BACAAN (HARAKAT)

Pada era pemerintahan Dinasti Abbasiyah, sistem baris yang diperkenalkan oleh Abu al-Aswad al-Duali mengalami penyempurnaan oleh seorang sarjana terkenal, al-Khalil bin Ahmad al-Basri. Beliau menggantikan sistem titik yang digunakan sebelum ini dengan tanda bacaan (*harakat*) yang lebih jelas dan teratur, menjadikannya lebih mudah untuk dibaca serta difahami. Antara pembaharuan yang diperkenalkan ialah:

1. Fathah (baris atas) – Bentuk menyerupai alif kecil melintang.
2. Kasrah (baris bawah) – Menyerupai ya kecil tanpa kepala.
3. Dammah (baris depan) – Bentuk seperti wau kecil.
4. Tanwin (baris dua) – Tambahan baris kecil di atas, bawah, atau hadapan huruf.
5. Syaddah – Diambil daripada kepala huruf syin untuk menunjukkan bacaan ditekan.
6. Sukun – Diambil daripada kepala huruf kha, menandakan huruf mati.

Sistem ini memberikan kesan besar terhadap pembelajaran dan pembacaan al-Quran, khususnya bagi mereka yang bukan penutur asli bahasa Arab. Dengan adanya tanda bacaan yang lebih jelas, kesalahan dalam bacaan dapat diminimumkan, sekaligus membantu pemahaman terhadap makna al-Quran. Inovasi ini mencerminkan kehebatan tamadun Islam dalam mengintegrasikan ilmu agama dengan perkembangan ilmu linguistik, menjadikannya sebagai satu sumbangan penting dalam sejarah penulisan dan pembelajaran al-Quran (Mohamad et al., 2019).

PENYALINAN AL-QURAN DI PUSAT-PUSAT KEBUDAYAAN ISLAM DAN KHAT NASKH MENGGANTIKAN KHAT KUFİ SEBAGAI KHAT UTAMA

Sebelum wujudnya teknologi percetakan, penyalinan al-Quran secara manual memainkan peranan penting dalam memastikan penyebaran dan pemeliharaan mushaf di kalangan umat Islam. Sokongan pemerintah dan institusi keagamaan menjadi faktor utama dalam memperkembangkan aktiviti ini, yang berlangsung di pusat-pusat keilmuan utama di dunia Islam. Seperti yang dinyatakan oleh Bloom (2008), perkembangan teknologi kertas dalam tamadun Islam memacu usaha penyalinan manuskrip al-Quran, membolehkan penghasilan mushaf menjadi lebih meluas dan tersusun.

Pada zaman Dinasti Abbasiyah, Baghdad berkembang sebagai pusat ilmu utama, menyaksikan aktiviti penyalinan manuskrip, termasuk al-Quran, semakin pesat. Institusi keilmuan seperti Baitul Hikmah memainkan peranan penting dalam memastikan kesahihan mushaf serta membimbing penyalin dalam kaedah penulisan yang standard. Salah seorang tokoh terkenal dalam bidang ini ialah Ibnu Bawwab, yang dikenali kerana menyalin 64 mushaf dan memperkenalkan khat Naskhi sebagai standard dalam penulisan al-Quran (Lajnah Pentashihan Mushaf al-Qur'an, n.d.). Salah satu manuskrip beliau yang dihasilkan pada 391H (1001M) di Baghdad kini disimpan di Perpustakaan Chester Beatty di Dublin. Sebelum itu, al-Quran yang direkodkan ditulis menggunakan khat Kufi, sebagaimana yang terdapat dalam Mushaf Imam.

Selain Baghdad, beberapa pusat keilmuan lain seperti Kaherah, Kufah, Basrah, dan Fez turut berkembang sebagai lokasi penting dalam penyalinan al-Quran. Di Andalusia, Cordoba menjadi pusat keilmuan utama di bawah pemerintahan Umayyah. Aktiviti penyalinan mushaf di Cordoba bukan sahaja bertujuan untuk menyebarkan ilmu, tetapi juga menampilkan keindahan seni Islam melalui penggunaan kaligrafi yang halus dan terperinci (Nasruddin, 2015).

Pada masa itu, penyalinan mushaf tidak terhad untuk kegunaan tempatan sahaja, malah ia turut diedarkan ke wilayah-wilayah Islam lain. Pemerintah dan penderma persendirian banyak menyumbang kepada biaya penyalinan dan pengedaran mushaf, bagi memastikan al-Quran dapat diakses oleh lebih ramai umat Islam. Selain itu, pusat keilmuan ini juga melatih para khattat (penulis kaligrafi) untuk menghasilkan mushaf yang indah dan berkualiti tinggi, selaras dengan tradisi penulisan Islam.

Menurut Bloom (2008), sokongan kerajaan terhadap industri pembuatan kertas telah memudahkan kerja-kerja penyalinan manuskrip al-Quran. Ini membuktikan bahawa pemeliharaan al-Quran bukan sekadar aktiviti keilmuan, tetapi juga warisan seni Islam yang terus dipelihara sehingga kini (Nasruddin, 2015).

PERCETAKAN AWAL AL-QURAN

Pada peringkat awal, al-Quran diperbanyakkan secara manual melalui tulisan tangan oleh para penulis khat sebelum teknologi percetakan berkembang di Eropah (Yakob et al., 2014). Namun, percetakan awal menghadapi pelbagai kekurangan yang menimbulkan kebimbangan dalam kalangan umat Islam ketika itu. Sejarah menunjukkan bahawa al-Quran pertama kali dicetak menggunakan mesin pada tahun 1431 di Hamburg, Jerman, sebelum teknologi tersebut digunakan di Itali pada abad ke-16 Masihi (Lajnah Pentashihan Mushaf Al-Quran, 2012).

Pada tahun 1890, mushaf al-Quran yang telah disemak oleh Syeikh Ridhwan bin Muhammad al-Mukhallilati diterbitkan di Mesir. Mushaf ini mengandungi kata pengantar yang menerangkan bahawa penulisannya berpandukan kaedah rasm dan tanda-tanda yang ditetapkan dalam al-Muqni' oleh Imam al-Dani serta al-Tanzil oleh Imam Abu Daud. Selain itu, mushaf ini juga memuatkan ringkasan sejarah kajian al-Quran serta perbincangan mengenai rasm dan dhabt (Al-Qadi, 1994).

Kemudian, pada tahun 1918, Kementerian Pendidikan Mesir (*Wizaratul Ma'arif*) mula mencetak mushaf yang telah ditashih dan diperakui oleh ulama al-Azhar bagi memastikan keaslian teksnya. Beberapa tahun kemudian, pada tahun 1923, Raja Fuad I menubuhkan kumpulan pentashih al-Quran yang terdiri daripada ulama al-Azhar untuk mengawal percetakan mushaf dan memastikan teks al-Quran dicetak mengikut piawaian yang betul. Pada tahun-tahun berikutnya, Universiti al-Azhar turut membentuk pasukan khas bagi mengawal percetakan mushaf di Mesir, menjadikan negara itu sebagai salah satu pusat percetakan mushaf yang berwibawa (Al-Qadi, 1999).

PENDIGITALAN AL-QURAN

Dalam era moden yang dikuasai oleh teknologi, al-Quran kini hadir dalam bentuk digital yang lebih interaktif dan mudah diakses oleh umat Islam di seluruh dunia. Transformasi ini menjadikan al-Quran lebih menarik dan relevan dengan perkembangan teknologi semasa (Mubarak & Romdhoni, 2021). Menurut Puspitasari (2021), kemajuan teknologi internet telah

membawa perubahan besar dalam akses kepada teks suci al-Quran, termasuk dalam pentashihan dan perkembangan aplikasi al-Quran digital yang semakin meluas.

Aplikasi al-Quran digital seperti Quran Majeed, iQuran, dan Ayah menyediakan pelbagai kemudahan seperti audio qari terkenal, terjemahan dalam pelbagai bahasa, dan fungsi carian yang memudahkan pengguna mencari ayat tertentu. Inovasi ini menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan praktikal bagi semua golongan masyarakat. Menurut Ismail et al. (2023), aplikasi al-Quran digital bukan sahaja mempermudah pembelajaran al-Quran dengan menyediakan terjemahan dan tafsir, tetapi juga membantu pengguna memahami makna ayat dengan lebih mendalam. Tambahan pula, Tajul Asmawee et al. (2024) menunjukkan bahawa aplikasi Muslim Pro memainkan peranan penting dalam transformasi digital pembelajaran Islam dengan menyediakan kandungan yang lebih interaktif dan mudah diakses.

Selain itu, aplikasi dan platform digital memainkan peranan penting dalam penyebaran al-Quran dengan menyediakan teks suci, terjemahan, dan tafsir interaktif untuk mendalami isi kandungan. Menurut Mohamed et al. (2024), perkembangan teknologi digital turut menimbulkan cabaran dalam memastikan keaslian teks al-Quran di dunia maya, namun langkah-langkah pentashihan telah diambil untuk mengekalkan ketulenannya. Ismail et al. (2023) pula menekankan bahawa aplikasi interaktif seperti Fun Q dapat meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan hafazan al-Quran, terutama dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Kajian ini menunjukkan bahawa ciri-ciri interaktif seperti tafsir, tajwid, dan terjemahan yang disediakan oleh aplikasi ini membantu pelajar memahami dan menguasai kandungan al-Quran dengan lebih berkesan.

PENGUNAAN AUDIO DAN VIDEO

Dalam era digital, pengajian al-Quran telah mengalami transformasi yang signifikan melalui integrasi teknologi moden. Aplikasi al-Quran dalam telefon pintar bukan sahaja memaparkan teks al-Quran tetapi kini dilengkapi dengan ciri audio yang membolehkan pengguna mendengar bacaan qari-qari terkenal dari seluruh dunia. Kemudahan ini memberi kelebihan kepada pengguna dalam mempelajari tajwid dan kelancaran bacaan melalui kaedah talaqqi secara maya. Selain itu, aplikasi ini turut menyediakan terjemahan dalam pelbagai bahasa, membolehkan pengguna memahami maksud setiap ayat dengan lebih mendalam. Dengan ciri-ciri ini, aplikasi al-Quran telah menjadi alat bantu yang berkesan dalam pembelajaran al-Quran, menjadikannya lebih fleksibel dan mudah diakses di mana sahaja (Solehah et al., 2023).

Di samping penggunaan audio, pengajian al-Quran kini turut diperkaya dengan teknologi video, yang menawarkan pengalaman pembelajaran yang lebih interaktif. Video pengajaran al-Quran dalam bentuk kursus dalam talian dan platform video seperti YouTube semakin berkembang, membolehkan pengguna mengikuti kelas tajwid, hafazan, serta tafsir tanpa batasan lokasi. Solehah et al. (2023) menunjukkan bahawa transformasi al-Quran ke dalam bentuk digital telah meningkatkan akses kepada pendidikan al-Quran, terutamanya bagi individu yang tidak berpeluang menghadiri kelas secara fizikal.

Menurut Tajul Asmawee et al. (2024), aplikasi Muslim Pro dan beberapa aplikasi lain telah mengintegrasikan modul pengajian al-Quran berbentuk video dan audio, yang membantu pengguna memahami bacaan serta tafsir dengan lebih berkesan. Ini membuktikan bahawa kombinasi audio dan video dalam pengajian al-Quran mampu meningkatkan pemahaman, hafazan, dan bacaan pengguna dengan lebih sistematik.

Perkembangan teknologi ini juga telah membuka peluang baharu bagi pendidik untuk menyampaikan pengajaran al-Quran secara lebih efektif. Platform digital membolehkan guru mengadakan kelas al-Quran secara maya, di mana pelajar boleh belajar secara interaktif dengan bimbingan guru yang bertauliah. Ini bukan sahaja memudahkan proses pembelajaran al-Quran bagi pelajar moden, tetapi juga memastikan ilmu al-Quran dapat diajarkan dengan kaedah yang sesuai dengan keperluan semasa.

Secara keseluruhannya, penggunaan audio dan video dalam pengajian al-Quran telah membawa perubahan besar dalam sistem pembelajaran al-Quran, menjadikannya lebih mudah diakses, interaktif, dan berkesan. Dengan perkembangan ini, umat Islam kini mempunyai lebih banyak pilihan untuk memperdalam ilmu al-Quran melalui teknologi digital, selaras dengan tuntutan zaman moden.

PENGAJIAN AL-QURAN DALAM TALIAN

Pengajian al-Quran kini semakin mudah diakses melalui platform e-pembelajaran, membolehkan individu dari pelbagai lokasi mempelajari al-Quran tanpa had geografi. Yusoff (2022) menunjukkan bahawa pengajian al-Quran dalam talian memberi kemudahan kepada pelajar dan guru dalam menyampaikan ilmu tanpa keperluan kehadiran secara fizikal. Di Malaysia, platform seperti MengajiOnline.com dan AlQuran4Life menyediakan kelas al-Quran dalam talian untuk pelbagai peringkat usia, manakala di peringkat antarabangsa, Quran.com menawarkan akses kepada teks al-Quran, pelbagai terjemahan, bacaan audio, dan tafsir yang

dapat membantu pengguna memahami kandungan al-Quran dengan lebih mendalam. Selain itu, Quran Pro Academy menyediakan program pengajian al-Quran secara sistematik bagi kanak-kanak dan dewasa dengan bimbingan guru bertauliah.

Aplikasi mudah alih juga memainkan peranan penting dalam mempermudah pembelajaran al-Quran dalam talian. MuslimPro, misalnya, menyediakan bacaan al-Quran lengkap dengan tajwid berwarna, waktu solat, arah kiblat, dan lokasi masjid terdekat (MuslimPro, n.d.). Selain itu, iQuran menawarkan ciri tajwid berwarna dan bacaan al-Quran yang lebih sistematik, membantu pengguna membaca dengan lebih lancar dan tepat. Fungsi tambahan seperti tafsir dan terjemahan dalam pelbagai bahasa turut memudahkan pengguna memahami maksud setiap ayat. Zakaria & Hussin (2023) menyatakan bahawa aplikasi mudah alih seperti ini bukan sahaja membantu dalam pembacaan al-Quran, tetapi juga meningkatkan penghafalan dan pemahaman terhadap ayat-ayat suci dengan lebih berkesan.

Salah satu kelebihan utama pengajian al-Quran dalam talian adalah fleksibiliti, di mana pelajar boleh menyesuaikan jadual pembelajaran mengikut keselesaan mereka, terutama bagi mereka yang sibuk dengan komitmen kerja atau akademik. Selain itu, pembelajaran dalam talian membolehkan akses kepada guru-guru berpengalaman dari seluruh dunia, tanpa perlu menghadiri kelas secara fizikal. Kaedah interaktif seperti video, kuiz digital, dan aplikasi hafazan turut memperkayakan pengalaman pembelajaran. Menurut kajian Yusoff (2022), walaupun terdapat cabaran seperti isu teknikal dan kekangan masa, pengajian al-Quran dalam talian tetap terbukti sebagai pendekatan yang berkesan dalam meningkatkan penguasaan al-Quran, khususnya semasa situasi luar jangka seperti pandemik.

Secara keseluruhannya, perkembangan teknologi digital telah membuka ruang yang lebih luas untuk pengajian al-Quran dalam talian, membolehkan lebih ramai individu mendapatkan akses kepada ilmu al-Quran tanpa batasan lokasi dan waktu. Dengan inovasi berterusan dalam aplikasi pembelajaran al-Quran, pendekatan ini dijangka terus berkembang sebagai kaedah utama dalam pendidikan Islam moden.

AL-QURAN BRAILLE DAN BAHASA ISYARAT

Inovasi al-Quran dalam versi Braille membuka peluang baharu bagi individu yang menghadapi masalah penglihatan untuk mendekati al-Quran. Langkah ini merupakan satu pencapaian penting dalam memperluaskan akses kepada kitab suci tersebut, khususnya bagi mereka yang memerlukan. Sistem Braille, yang diasaskan dengan menggunakan titik timbul sebagai pengganti

huruf dan nombor, merupakan kaedah tulisan berasaskan sentuhan yang paling meluas digunakan oleh golongan kurang upaya penglihatan. Mushaf al-Quran Braille dibangunkan berdasarkan kod Braille Bahasa Arab, merangkumi huruf hijaiyah, tanda baris seperti syaddah, kasrah, dan simbol lain yang penting dalam pembacaan al-Quran (Jaafar & Abdul Kadir, 2008).

Islam menitikberatkan keperluan untuk menyantuni semua golongan masyarakat tanpa mengira usia, latar belakang, atau kekurangan fizikal. Setiap insan, tidak kira bagaimana rupa atau keadaan mereka, layak dihormati sebagai manusia. Ini termasuklah golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang meskipun mempunyai kekurangan pada fizikal, tetap dikurniakan bakat, kebolehan, dan kepintaran yang unik oleh Allah SWT. Golongan ini tidak seharusnya diabaikan, malah mereka perlu dibimbing agar dapat menjalani kehidupan harian seperti insan lain. Keinginan untuk membaca dan memahami al-Quran juga wujud dalam kalangan OKU, termasuk mereka yang mengalami masalah penglihatan. Namun, keterbatasan fizikal sering menjadi penghalang. Kehadiran al-Quran Braille menjadi satu solusi bermakna, membolehkan golongan ini mendekati kitab suci dan memenuhi niat murni mereka untuk membaca al-Quran seperti insan biasa (Solehah et al., 2023).

Seterusnya, bahasa isyarat merupakan salah satu bentuk komunikasi utama bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran serta mereka yang mengalami masalah pertuturan. Isyarat tangan menjadi elemen asas dalam bahasa isyarat, di samping peranan penting ekspresi wajah dan gaya tubuh dalam menyampaikan maksud dengan lebih jelas. Seiring dengan itu, isyarat khusus untuk huruf hijaiyah telah diperkenalkan, membuka jalan kepada penubuhan kelas-kelas fardu ain yang menggunakan bahasa isyarat untuk golongan istimewa ini. Dalam kelas tersebut, mereka diajar secara berperingkat mengenai bahasa isyarat al-Quran, merangkumi setiap ayat, untuk membantu mereka memahami kandungan kitab suci tersebut (Raina Ramli et al., 2023).

Inisiatif ini bertujuan memudahkan golongan OKU pendengaran dalam mempelajari al-Quran melalui bahasa isyarat, sekaligus memberi mereka peluang mendalami ilmu agama. Selain itu, mereka juga dapat melibatkan diri dalam majlis-majlis agama yang dianjurkan. Untuk memastikan keterlibatan mereka, kebiasaannya penterjemah bahasa isyarat disediakan bagi memudahkan penyampaian dan perkongsian ilmu agama. Usaha ini bukan sahaja membantu golongan ini memahami agama dengan lebih baik, tetapi juga membuktikan bahawa ilmu agama dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kekurangan fizikal.

Walaupun digitalisasi al-Quran memberikan banyak manfaat, cabaran utama ialah memastikan kesahihan teks digital yang dimuat naik ke platform dalam talian. Risiko kesalahan tafsir atau penyelewengan makna juga boleh berlaku jika pengguna tidak mendapatkan panduan yang sewajarnya daripada sumber yang sah. Selain itu, kekangan teknikal seperti akses internet yang terhad atau kemahiran teknologi yang tidak mencukupi dalam kalangan pengguna tertentu turut menjadi cabaran dalam memastikan keberkesanan inisiatif ini.

MUSHAF BERWARNA

Seiring dengan kemajuan teknologi dan kreativiti dalam penerbitan mushaf al-Quran, masa kini menyaksikan kemunculan pelbagai versi mushaf berwarna yang semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat. Tidak seperti mushaf tradisional yang dicetak dalam warna hitam putih, mushaf moden kini direka bentuk dengan penggunaan warna yang sistematik dan berfungsi. Antara mushaf berwarna yang terkenal di pasaran termasuklah al-Quran Perkata Al-Andalus dan al-Quran Pelangi, yang masing-masing memanfaatkan warna bukan sekadar sebagai hiasan visual, tetapi sebagai alat bantu pembelajaran yang berkesan (Mohamad et al., 2017).

Penggunaan warna dalam mushaf ini telah diadaptasi untuk memudahkan pembaca memahami dan menguasai ilmu-ilmu al-Quran seperti terjemahan ayat, pembahagian kisah, dan yang paling utama, hukum-hukum tajwid. Setiap hukum tajwid ditandakan dengan warna tertentu. Sebagai contoh, merah untuk bacaan dengung (*ghunnah*), hijau untuk *qalqalah*, dan biru untuk *mad muttasil*. Hal ini bertujuan untuk membantu pembaca mengenal pasti kaedah bacaan dengan lebih mudah dan tepat. Inisiatif ini memberi kesan yang signifikan dalam meningkatkan minat masyarakat terhadap pembacaan al-Quran, khususnya dalam kalangan pemula dan pelajar. Kejelasan warna yang disusun mengikut kod tertentu membolehkan mereka membaca secara lebih lancar dan menepati hukum tajwid. Ia juga amat membantu para pendidik dalam proses pengajaran dan talaqqi, kerana pelajar dapat merujuk hukum secara langsung melalui warna-warna yang ditonjolkan dalam teks ayat (Mohamad et al., 2017).

Menariknya, idea asal pencetakan mushaf berwarna ini dicetuskan oleh tiga beradik, iaitu Abdus Sami, Abdul Nareem dan Abdul Moin, yang berpengalaman dalam penerbitan buku-buku Islam. Mereka mendapat inspirasi daripada sistem warna lampu isyarat: merah untuk berhenti, kuning sebagai amaran, dan hijau untuk bergerak. Konsep ini kemudiannya diolah menjadi sistem warna dalam mushaf sebagai panduan visual untuk memudahkan umat Islam membaca al-Quran dengan tertib dan tartil (Mohamad et al., 2017).

Kesimpulannya, inovasi mushaf berwarna mencerminkan satu bentuk perkembangan positif dalam sejarah transformasi pembukuan al-Quran yang bukan sahaja bersifat estetik, tetapi juga memenuhi keperluan pendidikan dan pemahaman umat Islam terhadap bacaan yang betul.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Transformasi pembukuan al-Quran sejak zaman Rasulullah SAW hingga ke era digital membuktikan komitmen berterusan umat Islam dalam memelihara dan menyebarkan wahyu Ilahi secara tepat dan berkesan. Meskipun kaedah pembukuan berubah seiring perkembangan zaman daripada hafalan, penulisan manual, percetakan, hingga kepada digitalisasi keaslian kandungan al-Quran tetap terpelihara. Inisiatif seperti aplikasi digital, platform e-pembelajaran, al-Quran Braille, dan bahasa isyarat turut memperluas akses kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan Orang Kurang Upaya. Kajian ini mengesahkan bahawa usaha memelihara al-Quran telah berjaya menyesuaikan diri dengan peredaran zaman tanpa menjejaskan integriti wahyu, sekali gus menjadikan al-Quran terus relevan dan dapat didekati oleh umat Islam di seluruh dunia dalam pelbagai bentuk dan medium.

Menurut pengamatan pengkaji, aspek yang boleh diteroka ialah sebagaimana khat utama al-Quran boleh bertukar dari Kufi kepada Naskh hasil penelitian dan pertimbangan Ibnu Bawwab, maka dengan zaman yang berubah dan wujudnya pelbagai khat baru, adalah wajar jika dibuat kajian tentang kemungkinan terdapat khat lain yang boleh membantu seseorang yang baru mengenal huruf Arab supaya lebih mudah dapat membaca atau kurang kesalahannya, atau mungkin juga yang lebih membantu proses mengingat tulisan dalam memori, khususnya bagi generasi yang lebih banyak melihat tulisan digital berbanding tulisan tangan.

Kemunculan al-Quran dengan warna juga semakin popular juga wajar dikaji. Kebanjiran cetakan al-Quran berwarna ialah kerana dilihat dapat membantu pembaca untuk lebih mudah mengenal hukum tajwid dan seterusnya mengurangkan kesilapan. Namun ia perlu kepada kajian lebih mapan tentang warna apa yang terbaik untuk mencapai objektif tersebut. Begitu juga dengan isu sejumlah para imam khususnya dari golongan bukan Arab yang gagal memilih tempat mula dan berhenti bacaan yang baik, adakah terdapat keperluan mushaf turut disusun mengikut perenggan, sebagai mana yang dilakukan oleh hampir semua kitab tafsir dan terjemahan al-Quran.

RUJUKAN

- Abd Ghani, A. R. H., & Abdullah, M. (2002). Pembaharuan dalam mashaf Rasm 'Uthmani: Suatu sorotan sejarah. *Jurnal Usuluddin*, 16, 105-118.
- Abdul Hadi, A. Z., Wan Abdullah, W. N., Mohamad, S., & Abdul Latif, M. A. (2015). Analisis Isu-Isu Dalam al-Qira'at al-Shadhdhah. *Islamiyyat*, 37(1), 16-28. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2015-3701-02>.
- Abu Dawud, Sulaiman bin al-Asy'ath. 2009. *Sunan Abi Dawud*. T.T.P: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Ali Muhammad, A. (2017). *Sejarah Umawiyah dan Abbasiyah*. Jakarta: Ummul Qurra.
- Ali, R. (2010). *Pengantar ulum al-Qur'an*. Kuala Lumpur Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Al-Bukhari, M. I. (1993). *Sahih al-Bukhari*. Damsyik: Dar Ibn Kathir - Dar al-Yamamah.
- Islam Su'al wa Jawab. 2008. *Taqsim al-Mushaf ila Ajza' wa Ahzab*. Dicapai pada 13 Mei 2025, daripada: <https://m.islamqa.info/ar/answers/109885> تقسيم-المصحف-الى-اجزاء-واحزاب
- Jaafar, N., & Abdul Kadir, K. (2008). *Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia*. In *Seminar Warisan Quran dan Hadith Nusantara*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jasmi, K. A. & Selamat 'A. (2013). *Al-Quran Satu Mukjizat yang Menakjubkan in Penciptaan Manusia dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press. ISBN 978-983-52-0915-4.
- Kania, T. (2022). Sejarah Pembukuan Al-Quran. *Academia*, 1-10.
- Karamah, U. (2019). Kaedah-kaedah Bacaan Al-Quran dalam Kalangan Orang Kurang Upaya Pendengaran. *A-Turath*, 59-66.
- Malik ibn Anas. (1991). *Al-Muwatta'*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Mohamad, M. R., Adi, M. F. B. A., & Mohamad, N. K. B. (2019). Sejarah al-Quran: Tahap-tahap perkembangan pembaharuan tanda-tanda titik dan baris di dalam mashaf. *Jurnal Pengajian Peradaban Islam*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

- Mohamad, M. R., Ibrahim, N. M. N. @ N. H., & Abdul Manaf, M. F. (2017). Inovasi al-Quran: Kelebihan, cabaran dan solusi. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD 2017)* 367–374. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhaysin, M. S. (2002). *Irsyad al-Talibin ila Dabt al-Kitab al-Mubin*. Kaherah: Dar al-Muhaisyn.
- Muslim ibn al-Hajjaj. (1955). *Sahih Muslim*. Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Sharikah.
- Nasruddin. (2015). Sejarah penulisan Al-Quran: Kajian antropologi budaya. *Jurnal Rihlah*, 2(1), Jurnal Rihlah Vol. II No. 1 Mei 2015
- Al-Qadi, A. F. (1994). *Tarikh al-Mushaf al-Syarif*. Jumhuriyyah Misr al-'Arabiyyah, al-Matba'ah al-Azhariyyah.
- Al-Qadi, A. F. (1999). *Sejarah al-Quran* (I. Mohd Hassan, Trans.). Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Al-Qattan, M. (2015). *Mabahith fi 'Ulum al-Quran*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Rahmah Razuan, R., Raus, N., Hashim, M., Rasdi, A., Yusoff, A., Ja'afar, N., & Muhamad, A. (2019). Pendidikan al-Quran bagi OKU: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI). *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 78–98.
- Al-Sabuni, M. A. (2012). *Al-Tibyan fi 'Ulum al-Quran*. Maktabah al-'Asriyyah.
- Sarwat, A. (2020). Sejarah Al-Quran . *Lentera Islam* , 13-20.
- Solehah, S., Siti Hajjatul Wada, O., & Nuru Huurun Ain, A. A. (2023). Transformasi pembukuan al-Quran pada zaman Nabi sehingga kini. Penerbit USIM. <https://fpqs.usim.edu.my/ms/e-proceeding/>
- Tajul Asmawee, N. F. A., Wan Maizon, W. S. N., Wan Alauddin, W. N. N. S., & Syed Hassan, S. N. (2024). Transformasi Digital dalam Pembelajaran dan Amalan Islam: Analisis Aplikasi Muslim Pro. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 7(12), 1-18.

Yusoff, A. M. H. (2022). Keberkesanan pengajian al-Quran secara atas talian: Kajian dalam kalangan pelajar OUM Kelantan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46).

Al-Zuhaili, W. (1991). *Tafsir al-Munir*. Beirut: Muassasah al-Risalah.